

KPDNHEP pantau harga barang di Pangkor

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak telah mula membuat pemantauan harga barangan dan perkhidmatan di Pulau Pangkor menjelang pelaksanaan pulau bebas cukai (PBC) pada Januari nanti.

Pengarahnya, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, pemantauan dan kajian telah dibuat pada awal Disember untuk melihat harga semasa barangan serta perkhidmatan di pulau tersebut.

Menurutnya, perbandingan harga akan dibuat selepas 1 Januari nanti bagi melihat sama ada peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga atau sebaliknya.

"Pemantauan ini dibuat untuk pastikan tiada peniaga ambil keuntungan berlebihan sebab kita jangka bila pengumuman Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai (PBC) dibuat akan ada peniaga ambil kesempatan. Bila pengu-



Saifullizan (kanan) melihat harga kentang yang merupakan barang terkawal sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di Pasaraya Tesco Ipoh semalam.

muman dibuat akan ada ramai pelancong dan bila ramai pelancong akan banyak aktiviti perdagangan.

"Jadi kita dah buat kajian, kita ambil harga pada bulan semasa dan akan ambil harga pada Januari atau setiap suku tahun harga barang-barang keperluan, perkhidmatan seperti hotel, restoran, salun dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas

2019 di Pasaraya Tesco Ipoh di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Penguat kuasa KPDNHEP Perak, V Ravichandran dan Pengurus Tesco Ipoh, Selvaa Thamby Rajah.

Saifullizan berkata, pihaknya juga bekerjasama dengan Persatuan Penjaja dan Peniaga Cawangan Pulau Pangkor serta Majlis Perbandaran Manjung melalui taklimat dibuat berkaitan tindakan yang boleh diambil sekiranya peniaga menaikkan harga.